



PERMOHONAN PENGECUALIAN BAYARAN PREMIA

[CARA MENDAPATKAN BORANG PERMOHONAN](#)

[DOKUMEN – DOKUMEN YANG DIPERLUKAN](#)

[TATACARA PERMOHONAN](#)

[TEMPAT MENGHADAPKAN BORANG PERMOHONAN](#)

[SOALAN – SOALAN LAZIM \(FAQS\)](#)

[TAMBAHAN](#)



PERMOHONAN PENGECUALIAN BAYARAN PREMIA

CARA MENDAPATKAN BORANG PERMOHONAN

DIBELI DI KAUNTER
PEMBAYARAN

ATAU

DIMUAT TURUN SECARA
PERCUMA



- Harga borang adalah **BND \$1.00 / set**
- Borang boleh dibeli di mana-mana cawangan Pejabat Tanah Daerah:

Daerah	Tempat
Brunei dan Muara	Tingkat 1, Jabatan Tanah
Tutong	Pejabat Tanah Daerah Tutong
Belait	Pejabat Tanah Daerah Belait
Temburong	Pejabat Tanah Daerah Temburong

1. Borang Pengecualian Bayaran Premia (& Maklumat Tambahan):
2. Borang Permohonan Mendapatkan Keterangan Tanah (*Land Search*):
[Lands Department - Forms \(tanah.gov.bn\)](http://tanah.gov.bn)

Nota: Sila pastikan borang yang dicetak adalah berwarna.

[Kembali ke atas](#)

PERMOHONAN PENGECUALIAN BAYARAN PREMIA

DOKUMEN – DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

BIL	DOKUMEN
1	Borang Permohonan bagi setiap pemilik tanah – 2 set (1 asal dan 1 salinan)
2	Borang Makluman Tambahan bagi setiap pemilik tanah – 1 set asal
3	Kad Pengenalan (Kad Pintar) pemohon yang belum luput tarikh mansuhnya – 2 salinan
4	Kad Pengenalan (Kad Pintar) isteri / suami pemohon yang belum luput tarikh mansuhnya – 2 salinan
5	Surat Makluman Lulus bagi Permohonan Membaharui Tempoh Pajakan yang dipohonkan Pengecualian Bayaran Premia – 2 salinan
6	Resit Pembayaran Cukai Tahunan terkini bagi kesemua tanah-tanah yang dimiliki pemohon dan isteri / suami – 2 salinan
7	<p>Geran Tanah – 2 salinan</p> <p>Perhatian: Sila pastikan nama pemilik tanah dalam geran tanah adalah sama seperti yang tertera di dalam kad pengenalan. Jika terdapat perbezaan, sila sertakan dokumen pengakuan (<i>Statutory Declaration</i>) dari Mahkamah untuk dihadapkan ke Bahagian Pendaftaran / cawangan Pejabat Tanah Daerah mengikut letak tanah berkenaan bagi pembetulan / penyelarasan</p>
8	Peta RSO berukuran A3 yang terkini (dibeli di Tingkat 2, Jabatan Ukur atau di mana-mana cawangan Jabatan Ukur) – 2 salinan
9	<p>Cetakan Komputer 'Senarai Tanah-Tanah Yang Dimiliki' (CPO) pemohon dan isteri / suami (diperolehi dari Bahagian Pendaftaran, Aras Bawah, Jabatan Tanah atau cawangan Pejabat Tanah Daerah Tutong, Belait atau Temburong) – 2 set (1 asal dan 1 salinan)</p> <p>Nota: Bagi mendapatkan Cetakan Komputer 'Senarai Tanah-Tanah Yang Dimiliki' (CPO), pemohon dan pasangan hendaklah mengisikan Borang Permohonan Mendapatkan Keterangan Tanah (Land Search) dan menghadapkannya ke Bahagian Pendaftaran, Aras Bawah (bagi Daerah Brunei dan Muara) atau Pejabat Tanah Daerah Tutong, Belait dan Temburong</p>
10	Resit pembayaran premia secara ansuran – 2 salinan (Jika ada)
11	<p>Bagi pemohon dan isteri / suami pemohon yang masih bekerja samada di sektor Kerajaan / Swasta:</p> <ul style="list-style-type: none"> Slip Penyata Gaji – 2 salinan <p>Bagi pemohon dan isteri / suami pemohon yang sudah bersara:</p> <ul style="list-style-type: none"> Penyata Pencen Bulanan / Pengesahan Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi Pemohon – 2 salinan
12	<p>Jika berkenaan sahaja:</p> <ul style="list-style-type: none"> Perintah Mahkamah / Court Order (Bagi Pemecahan / Orang Kurang Upaya / Pentadbir / Di bawah jagaan) Surat Perlepasan (Clearance Letter) yang dikeluarkan oleh Pejabat Pegawai Penerima Resmi, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Besar bagi mana-mana pemilik tanah yang dikenakan kebangkrapan dan lain-lain..

PERHATIAN: Sila pastikan dokumen-dokumen yang disertakan adalah terkini dan lengkap. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diterima oleh Pihak Jabatan Tanah.

[Kembali ke atas](#)

PERMOHONAN PENGECUALIAN BAYARAN PREMIA

TATACARA PERMOHONAN

1

Mendapatkan borang permohonan samada secara pembelian di kaunter pembayaran Cawangan Pejabat Tanah Daerah (BND\$1.00 / set) atau dimuat turun secara percuma di laman sesawang Jabatan Tanah

2

Menghadapkan borang permohonan mendapatkan keterangan tanah (*Land Search*) bagi mendapatkan Cetakan Komputer 'Senarai Tanah-Tanah Yang Dimiliki' (CPO) pemohon dan pasangan.

Borang boleh dihadapkan ke:

- Daerah Brunei dan Muara – Bahagian Pendaftaran, Aras Bawah, Jabatan Tanah
- Daerah Tutong – Pejabat Tanah Daerah Tutong
- Daerah Belait – Pejabat Tanah Daerah Belait
- Daerah Temburong – Pejabat Tanah Daerah Temburong

3

Membeli Peta RSO berukuran A3 di Tingkat 2, Jabatan Ukur Daerah Brunei dan Muara atau di mana-mana cawangan Jabatan Ukur (BND\$5.00 / keping)

4

Menyediakan slip penyata gaji atau penyata pencen bulanan / pengesahan daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi

5

Menyediakan dokumen – dokumen yang diperlukan dengan lengkap

6

Menghantar borang dan dokumen – dokumen yang lengkap ke cawangan Pejabat Tanah Daerah mengikut letak tanah berkenaan

PERMOHONAN PENGECUALIAN BAYARAN PREMIA

TEMPAT MENGHADAPKAN BORANG PERMOHONAN YANG LENGKAP


PERMOHONAN DIHANTAR MENGIKUT LETAK TANAH

Daerah Brunei dan Muara
Pejabat Tanah Daerah Brunei dan Muara,
Tingkat 1, Jabatan Tanah

<https://www.google.com/maps/place/Land+Department/@4.925553,114.928171,521m/data=!3m1!1e3!4m5!3m4!1s0x0:0xc340e93130e8bf7!8m2!3d4.9255534!4d114.9281713?hl=en>

Daerah Tutong
Pejabat Tanah Daerah Tutong

<https://www.google.com/maps/@4.807004,114.657951,521m/data=!3m1!1e3?hl=en>



Daerah Temburong
Pejabat Tanah Daerah
Temburong

<https://www.google.com/maps/place/Bangar/@4.7094455,115.0739496,524m/data=!3m1!1e3!4m5!3m4!1s0x3222853cd410242b:0x4be44ab34589e250!8m2!3d4.7127123!4d115.0739496?hl=en>

Daerah Belait
Pejabat Tanah Daerah Belait

<https://www.google.com/maps/@4.586724,114.191396,261m/data=!3m1!1e3?hl=en>

[Kembali ke atas](#)

SOALAN – SOALAN LAZIM (FAQS)

Soalan:

Apakah jenis Syarat Khas Tanah yang boleh dipohonkan Pengecualian Bayaran Premia?

Jawapan:

Syarat Khas Tanah yang boleh dipohonkan Pengecualian Bayaran Premia adalah Padi, Pertanian dan Perumahan Am sahaja

Soalan:

Adakah boleh dipohonkan Pengecualian Bayaran Premia sebelum Permohonan Membaharui Tempoh Pajakan Tanah diluluskan?

Jawapan:

Tidak, Permohonan Pengecualian Premia hanya akan diproses jika Surat Makluman Lulus Membaharui Tempoh Pajakan (Selepas Permohonan Membaharui Tempoh Pajakan diluluskan) ada disertakan bersama.

Soalan:

Adakah cukai tanah-tanah perlu dijelaskan sebelum membuat permohonan?

Jawapan:

Ya, cukai tanah-tanah perlu dijelaskan dan dibayar sebelum membuat mana-mana permohonan di Jabatan Tanah.

[Kembali ke atas](#)

TAMBAHAN
PERMOHONAN PENGECUALIAN MEMBAYAR PREMIA TANAH

KELAYAKAN PEMOHON

1. Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemilik tanah berdaftar sahaja yang dibenarkan memohon dan bukan pemilik yang didaftarkan sebagai pemegang amanah.
3. Pentadbir tanah dan penjaga bagi pemilik tanah berdaftar yang terdiri daripada kanak-kanak di bawah umur (*minor*) hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Mahkamah Tinggi.
4. Pemilik tanah berdaftar dan suami/isteri mempunyai jumlah pendapatan yang tidak melebihi \$3,000.00 sebulan.
5. Pemilik tanah dan suami/isteri memiliki tanah dengan jumlah keluasan tidak melebihi dua (2.000) ekar.

KELAYAKAN SKIM PENGECUALIAN BAYARAN PREMIA TANAH

1. Hanya sebidang/satu lot tanah sahaja sama ada tanah/lot yang dimiliki pemohon atau suami/isteri diberikan pengecualian bayaran premia.
2. Hanya tanah yang mempunyai rumah kediaman tempat tinggal pemohon dan keluarganya sahaja diberikan pengecualian bayaran premia. Tanah belum dimajukan tidak layak diberikan pengecualian bayaran premia.
3. Hanya keluasan tanah yang tidak melebihi satu (1.000) ekar sahaja akan diberikan pengecualian bayaran premia. Mithalnya jika tanah dimiliki berkeluasan 1.400 ekar hanya 1.000 ekar akan diberikan pengecualian bayaran premia dan kawasan tanah selebihnya 0.400 ekar akan dikenakan bayaran premia. Jika tanah yang dimiliki berkeluasan kurang dari satu (1.000) ekar, maka keluasan tanah yang diberikan pengecualian adalah mengikut keluasan tersebut.
4. Hanya salah seorang pemilik tanah iaitu suami atau isteri sahaja yang dipertimbangkan untuk mengikuti Skim Pengecualian.
5. Hanya dipertimbangkan bagi tanah yang bersyaratkan Perumahan Am dan kebawah; -
 - i) Perumahan Am,
 - ii) Pertanian,
 - iii) Padi

[Kembali ke atas](#)